

Analisis Syarat Kelayakan Peguam Syarie Menurut Islam Dan Perundangan Di Malaysia

*(Analysis Of Syarie Lawyer Qualification Requirements According To
Islam And Legislation In Malaysia)*

NURUL FARHANAH BINTI YAHYA
HAMMAD MOHAMAD DAHALAN
NUR ZULFAH BINTI MD ABDUL SALAM
MOHAMAD AZHAN YAHYA

ABSTRAK

Peguam syarie adalah satu profesionalisme yang semakin diperlukan di kalangan masyarakat. Profesionalisme ini berperanan membantu institusi mahkamah dalam mencapai keputusan yang adil dan selari dengan hukum syarak. Malah kehadiran peguam syarie telah diterima pada zaman sahabat dan seterusnya berkembang hingga kini. Penulisan ini membincangkan berkaitan dengan syarat kelayakan peguam syarie menurut Islam dan perundangan di Malaysia. Penulisan ini meletakkan tiga objektif. Objektif pertama untuk mengenal pasti prinsip Islam dan peruntukan undang-undang serta meninjau literatur berkaitan dengan syarat kelayakan peguam syarie. Objektif kedua untuk menganalisis permasalahan semasa yang wujud berkaitan dengan syarat kelayakan peguam syarie. Objektif ketiga untuk mencadangkan penyelesaian ke atas permasalahan tersebut. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul data dan maklumat kajian berkaitan dengan syarat kelayakan peguam syarie. Kaedah temu bual turut digunakan untuk menyokong permasalahan dan dapatan kajian ini. Bahan dan maklumat yang dikumpul seperti buku, kitab arab, artikel, jurnal dan peruntukan undang-undang berkaitan dengan syarat kelayakan peguam syarie dianalisis dengan kaedah analisis kandungan dan analisis kritis. Penulisan ini mendapati bahawa syarat kelayakan peguam syarie adalah berbeza dan tidak seragam di setiap negeri. Penulisan ini turut mendapati bahawa ketidak seragaman ini merumitkan dan mengelirukan calon-calon yang ingin beramal sebagai peguam syarie. Penulisan ini akhirnya mencadangkan agar menggubal satu akta induk yang akan mentadbir perkara-perkara berkaitan kelayakan peguam syarie.

Kata kunci: syarat, pelantikan, peguam syarie, kaedah peguam syarie, prinsip Islam

ABSTRACT

Syarie lawyer is a profession that is increasingly needed in the community. This profession plays a role in assisting the court institution in reaching a fair decision and in line with Islamic law. Even the presence of syarie lawyers was accepted during the era of the companions and further developed until these days. This article discusses the conditions of qualifying a syarie lawyer according to Islam and legislation in Malaysia. This writing lays down three objectives. The first objective is to identify Islamic principles and legal provisions as well as review the literature related to the qualifications of syarie lawyers. The second objective is to analyse the current problems that exist in relation to the qualification requirements of syarie lawyers. The third objective is to suggest solutions to these problems. This writing uses qualitative methods. Library research methods are used to collect research data and information related to the qualification requirements of syarie lawyers. Interview methods were also used to support the problems and findings of this study. Materials and information collected such as books, Arabic books, articles, journals and legal provisions related to the qualifications of syarie lawyers are analysed by content analysis and critical analysis methods. This writing finds that the qualification requirements of syarie lawyers are different and not uniform in each state. This writing also finds that this inconsistency complicates and confuses candidates who want to practice as a syarie lawyer. This writing finally proposes to enact a master act that will govern matters related to the qualifications of syarie lawyers.

Keywords: Qualification, requirements, profession, lawyer, practice

PENGENALAN

Di dalam Islam, amalan guaman syarie pada hakikatnya telah wujud semenjak zaman Rasulullah S.A.W. Ini berdasarkan konsep untuk menjaga keadilan dan menentang kezaliman. Firman Allah S.W.T dalam surah al Maidah ayat 8:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu tidak melakukan keadilan.

Berdasarkan ayat tersebut Allah S.W.T. dengan jelas memerintahkan supaya umat Islam sentiasa menegakkan keadilan. Menerusi perlantikan peguam syarie, suruhan Allah S.W.T ini dapat dilaksanakan. Ini kerana di dalam sesebuah pertikaian di mahkamah, pihak-pihak yang terlibat akan mengemukakan keterangan-keterangan yang dapat membantu hakim dalam memberi keputusan seterusnya dapat menegakkan keadilan¹ (Abdul Monir Yaacob 1996). Malah peguam syarie wajib menegakkan keadilan walau ia bertentangan dengan kepentingan sendiri.

Selain itu, kehadiran peguam syarie di dalam mahkamah juga dapat mengelakkan kezaliman daripada berlaku. Ini kerana seseorang peguam syarie akan berusaha untuk membela anak guamnya berdasarkan kepakaran, bidang tugas dan peranan mereka. Peranan yang dimainkan ini selari dengan firman Allah S.W.T. dalam surah al Maidah ayat 29, bahawa segala bentuk kezaliman patut dihapuskan:

Dan itulah dia (api neraka) balasan bagi orang yang zalim.

Terdapat juga larangan Allah S.W.T. kepada umatnya untuk tidak bersubahat dalam melakukan kejahanan. Ini

berdasarkan firman Allah S.W.T di dalam surah al Anam ayat 68:

Maka janganlah engkau duduk lagi bersama-sama kaum yang zalim itu, sesudah engkau teringat (akan larangan itu).

Persoalan yang timbul adalah adakah tindakan peguam syarie membela anak guam adalah salah satu daripada tindakan bersubahat melakukan kezaliman? Jawapannya sudah pasti tidak. Ini kerana ia merupakan tugas seorang peguam syarie dalam membela anak guamnya dan bahawa peguam syarie hanya menunaikan amanah yang telah diberikan. Malah perlu diingat bahawa anak guam yang dibela itu belum lagi disabitkan kesalahannya. Dan seperti yang sedia maklum, seseorang itu adalah tidak bersalah melainkan dibuktikan yang dia bersalah² (Mahmud Saedon 1997).

Kesimpulannya dapat dilihat bahawa peguam syarie sebenarnya mempunyai tugas yang besar malah kehadiran peguam syarie hakikatnya berkait rapat dengan suruhan Allah supaya sentiasa menegakkan keadilan dan mengelakkan kezaliman. Selain itu, kehadiran peguam syarie juga dapat mengimbangi pihak-pihak yang bertelagah di hadapan kadi³ (Musa Awang 2017) mengatasi perasaan malu khususnya di kalangan wanita (Musa Awang 2017) dan menyampaikan maksud tersirat seorang isteri.

SYARAT KELAYAKAN PEGUAM SYARIE: SOROTAN LITERATUR

Perbincangan mengenai peguam syarie hakikatnya bukan lagi perkara yang asing lagi. Malah isu ini telah dikupas secara menyeluruh dari pelbagai pihak samada ahli akademik, ahli fiqh ataupun ahli perundangan. Mengikuti sejarah kepegumannya ini, konsep awal telah bermula semenjak zaman Rasulullah S.A.W. lagi⁴ (Siti Zalikhah 2004). Ini

diikuti oleh amalan para sahabat yang telah mengamalkan konsep perwakilan dalam menyelesaikan pertikaian yang timbul⁵ (Mohamad Isa 2020). Ini dapat dilihat di dalam kisah Khalifah Umar r.a. dengan seorang perempuan yang mendakwa bahawa seorang pemuda telah mencabul kehormatannya. Perempuan tersebut juga mendakwa bahawa terdapat kesan air mani pada kainnya. Pada mulanya, Khalifah Umar r.a. telah menjatuhkan hukuman terhadap pemuda tersebut. Namun begitu, pemuda tersebut telah berikrar bahawa dia tidak melakukan perkara tersebut. Lalu Khalifah Umar telah meminta pendapat Saidina Ali r.a. Selepas diperhatikan dan mencium bau cecair yang terdapat pada kain perempuan tersebut, didapati bahawa ia merupakan putih telur. Kes ini membuktikan bahawa Saidina Ali r.a. telah membela pemuda⁶ (Mahmud Saedon 2003) tersebut dan menyelamatkannya daripada hukuman yang tidak adil. Menerusi peristiwa ini juga telah menunjukkan bahawa seseorang itu hendaklah mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang cukup bagi membantu seseorang wakil dapat membantu orang yang diwakilinya. Ini dapat dilihat melalui penulisan Tuan Musa Bin Awang,⁷ (Musa Awang 2020) dan Mahmud Saedon A. Othman⁸ (Mahmud Saedon 2003).

Manakala penulisan bertajuk Isu Perlantikan dan Etika Peguam Syarie⁹ (Jasri Jamal 2005), telah menyenaraikan syarat-syarat yang perlu ada pada peguam syarie menurut prinsip guaman Islam dengan lebih mendalam. Antaranya ialah berakhhlak mulia, amanah, ikhlas serta jujur. Malah seseorang wakil itu tidak boleh menerima rasuah kerana ia akan menganggu proses keadilan dan perbicaraan. Menurut Siti Zalikhah Md Nor (2004)¹⁰ pula, seorang wakil hendaklah bersikap adil, menjaga maruah, merahsiakan perkara yang tidak patut diketahui oleh orang lain serta tidak menyebarkan rahsia pewakilnya. Ini adalah sama seperti yang diperuntukkan di dalam

etika peguam syarie yang ditetapkan di dalam undang-undang negeri.

Kehadiran peguam syarie di mahkamah juga sering dikaitkan dengan prinsip keadilan. Ini kerana salah satu peranan terbesar peguam syarie adalah menegakkan keadilan dan menentang sebarang kezaliman¹¹ (Mohamad Isa 2020). Ini secara tidak langsung telah menjawab persoalan di mana kononnya peguam syarie akan mempertahankan anak guamnya walau telah mengetahui bahawa anak guamnya telah melakukan kesalahan.

Abdul Monir Yaacob,¹² (2015) dalam buku beliau bertajuk Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah walaubagaimana pun menyatakan bahawa pentadbiran Peguam Syarie antara negeri-negeri adalah berbeza. Oleh sebab itu, beliau juga menyarankan agar dibentuk satu undang-undang yang diterima pakai oleh semua negeri bagi menjalankan pentadbiran guaman Syarie di negeri-negeri. Seterusnya temubual bersama Peguam Syarie, Tuan Mohamad Azlin Razali mendapati bahawa syarat-syarat peguam syarie adalah di bawah bidangkuasa Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri masing-masing¹³ (Mohamad Azlin 2019).

Seterusnya, menurut Isa Abdul Ralip di dalam artikelnya yang bertajuk Peguam Syarie: Pengamalan di Malaysia, menyatakan bahawa ketidakseragaman undang-undang yang mengawal selia peguam syarie mengakibatkan perbezaan atau tidak keseragaman dalam aspek kelayakan, penerimaan masuk serta tatatertib Peguam Syarie di seluruh negara. Perbezaan ini mengundang beberapa kelemahan dan masalah antaranya perbezaan tatacara penerimaan masuk di setiap negeri, proses permohonan dan penerimaan masuk, prosedur tatatertib dan sebagainya¹⁴ (Mohamad Isa 2019). Dapatan yang sama dapat dilihat di dalam penulisan Musa Awang dengan tajuknya

Keperluan Akta Profesional Guaman Syarie. Beliau mengatakan bahawa kewujudan kepelbagaian dan perbezaan undang-undang serta peraturan Peguam Syarie telah menimbulkan beberapa permasalahan yang rumit, yang memberi kesan kepada Peguam Syarie dan masyarakat awam.

Kesimpulannya, berdasarkan penulisan-penulisan terdahulu, didapati bahawa ia sememangnya mempunyai impak yang baik bagi penulisan yang dijalankan. Ini kerana penulisan-penulisan terdahulu ini menjadi perintis kepada penulisan yang dijalankan dan juga turut membantu dalam menyiapkan penulisan ini. Oleh sebab itu, penulisan ini akan mengkaji dengan lebih mendalam mengenai syarat kelayakan peguam syarie baik dari sudut fiqh mahupun undang-undang.

SYARAT KELAYAKAN PEGUAM SYARIE MENURUT PRINSIP ISLAM DAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Dilihat secara kasar, syarat kelayakan menurut fiqh adalah lebih umum dan ringkas berbanding syarat kelayakan yang diperuntukkan di dalam undang-undang yang ada. Syarat seorang peguam syarie menurut fiqh juga telah dibincangkan sebelum ini di dalam bahagian syarat bagi seorang wakil.

Menurut syarat wakil yang dibincangkan oleh fuqahā', penulis menegaskan bahawa syarat peguam syarie menurut fiqh adalah seperti berikut. Pertama, seorang peguam syarie hendaklah seorang yang berakal dan mumayyiz di samping memahami perkara yang diwakilkan. Seterusnya, menurut fiqh juga seorang peguam syarie hendaklah merupakan ahli tasarruf bagi perkara yang diwakilkan kepadanya iaitu dalam erti kata yang lain mempunyai keupayaan untuk mengendalikan sesuatu kes. Manakala bagi sudut keperluan Islam atau tidak, dapat dilihat bahawa bagi aspek perwakilan di

dalam mahkamah syariah penulis berpendapat bahawa seorang peguam syarie hendaklah Islam dengan mengambil kira bahawa kehadiran peguam syarie di mahkamah amat berkait rapat dengan segala konsep perundangan dan prinsip Islam. Seorang peguam syarie juga hendaklah ditentukan kelayakannya berpandukan kepada kriteria kepimpinan dan amalan undang-undang (Nur Zulfah & et.al 2020).¹⁵

Ini selari dengan aplikasi di dalam undang-undang di mana peguam syarie diwajibkan untuk memfailkan wakalah di mahkamah syariah sebelum membawa apa-apa kes bagi pihak anak guam. Di dalam kertas wakalah yang difailkan ini, dinyatakan nama peguam yang akan menguruskan kes bagi pihak anak guam. Seterusnya peguam syarie juga tidak boleh melantik peguam syarie yang lain bagi menguruskan kes yang telah diwakilkan ke atasnya, kecuali apabila peguam syarie yang pertama tidak mampu menguruskan kes tersebut. Peguam syarie juga tidak dibenarkan untuk menarik diri setelah tiga kali mengalami perbicaraan.

Selain syarat yang telah dibincangkan sebelum ini, menurut konteks wakalah bi al khusūmah, seorang wakil juga hendaklah sentiasa menjaga kebenaran dan seorang yang mempunyai pengetahuan yang kukuh di dalam hukum syarak dan perjalanan undang-undang yang berkuat kuasa¹⁶ (Siti Zalikhah 2004). Seorang peguam syarie juga hendaklah merupakan seorang yang bersikap adil, menjaga maruah dan melindungi atau merahsiakan hal yang tidak patut diketahui oleh orang lain. Ini bermakna seseorang peguam syarie hendaklah amanah dalam menjaga kerahsian berkaitan kes-kes yang dia mewakili anak guamnya. Fiqh juga mengambil berat berkaitan akhlak dan adab seorang wakil di mana wakil hendaklah mempunyai adab dan akhlak yang mulia. Seseorang peguam syarie seharusnya mengambil peribadi Rasulullah S.A.W.

sebagai modelnya. Manakala di dalam perbicaraan, seorang peguam syarie hendaklah tidak menzahirkan kelantangan yang keterlaluan dan pertengkaran yang melampaui batas (Siti Zalikhah 2004).

Manakala bagi syarat kelayakan peguam syarie menurut undang-undang, telah

diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri dan juga Kaedah-kaedah Peguam Syarie Negeri-negeri (kecuali Sabah) sepetimana berikut:

KELAYAKAN DAN SYARAT PENERIMAAN MASUK	JOHOR	KEDAH	KELAHAN	MELAKA	N. SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLISI	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	WILAYAH PERSEKUTUAN
Islam	✓	✓	✓		✓	✓	✓	•				✓	✓	✓
Warganegara Malaysia	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Tidak Bankrap	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Berkelakuan baik dan tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Tidak didapati bersalah menurut Seksyen 33 (6)(a), (b), (c), (d), (e), (f), (h), (k), (l) Akta Kebankrapan 1967	✓	✓			✓			✓	✓			✓	✓	✓
Tidak dipecat, hilang kelayakan atau digantung (atas kapasiti) peguambela & peguamcara	✓	✓			✓							✓	✓	
Peguambela & Peguamcara di bawah Akta Profesional Undang-undang 1976			✓			✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Ijazah Sarjana Muda Syariah	✓	✓			✓	✓	✓	✓			✓	✓	✓	✓

Lulus ujian bertulis/temu duga	√				√		√				√	√	
Diploma lepasan Ijazah Undang-undang Syariah	√	√			√		√				√	√	
Sarjana Muda Undang-undang & Sarjana Muda Sariah (LLB.S)	√	√			√				√		√	√	
Peguambela/Peguamcara yang mempunyai diploma lepasan Ijazah	√	√			√								
Latihan Dalam Kamar	√	√			√						√		
Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Syariah di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri			√					√	√		•	√	√
Pegawai yang dilantik di bawah Akta Guaman 1971		√	√	•	•		•		•	•	√	√	•
Anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan persekutuan	•	•	√	•	•	•	√	√	√	•	•	√	•
Peguambela & Peguamcara lulus ujian Sijil Peguam Syarie			√			√					√		√
Tidak lakukan kesalahan hina mahkamah & keterangan palsu					√								
Jurusan perundangan Islam			√										
Telah berkhidmat sebagai Qadhi/Pegawai Hal Ehwal Islam negeri/ persekutuan / hakim syarie			√			√	√						√
Dilantik sebagai peguam syarie di negeri lain	•	•		•	•		√		•	•	•	•	
Mendapat latihan profesional dalam bidang kehakiman Islam									√		√		
Umur (21 tahun)			√			√	√		√				√
Pemastautinan Tetap					√		√			√			

Berkemahiran dalam hukum syarak	•	•	✓	•	•	•	✓	✓	✓	•	✓	•	✓	•
---------------------------------	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

Jadual 1: Kelayakan dan Syarat Penerimaan Masuk Peguam Syarie Negeri-negeri

Berdasarkan Jadual 1 di atas dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang agak ketara dalam syarat-syarat kelayakan dan kemasukan peguam syarie antara negeri. Jadual di atas menunjukkan kesemua syarat-syarat peguam syarie bagi negeri-negeri. Ini kerana syarat-syarat yang digubal adalah di bawah bidang jawatankuasa peguam syarie negeri masing-masing¹⁷(Siti Zalikhah 2004).

Syarat kelayakan yang pertama adalah Islam. Syarat ini pernah menjadi isu yang agak besar pada tahun 2016 apabila seorang bukan Islam, Victoria Jayaseela Martin, berkelulusan Diploma Undang-undang dan Amalan Syariah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah membuat permohonan untuk diterima masuk sebagai peguam syarie di Wilayah Persekutuan. Mahkamah Rayuan di dalam kes ini memutuskan bahawa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah bertindak di luar bidang kuasa apabila enggan memproses permohonan seorang bukan Islam untuk beramal sebagai peguam syarie¹⁸ (Ahmad Johari 2015). Walau bagaimanapun di dalam kes rayuan di Mahkamah Persekutuan, hakim telah membuat keputusan bahawa bukan Islam tidak boleh beramal sebagai peguam syarie dan menerima rayuan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada ketika itu. Pada Disember 2010, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam juga telah membuat keputusan menolak perlantikan individu bukan Islam sebagai peguam syarie. Keputusan jawatankuasa ini sepatutnya diraikan dan diiktiraf di peringkat negeri dengan memasukkan Islam sebagai salah satu syarat kelayakan peguam syarie¹⁹ (Musa Awang 2017).

Namun sehingga hari ini, terdapat negeri yang masih tidak memasukkan syarat Islam. Contohnya seperti Pulau Pinang, Sarawak dan Melaka. Ini boleh menyebabkan syarat kelayakan peguam syarie yang ada boleh dicabar pada bila-bila masa. Walaupun di dalam fiqh tidak terdapat dalil khusus yang melarang perlantikan bukan Islam sebagai peguam syarie, majoriti para fuqahā' berpendapat supaya golongan ahli zimmah dijauhkan daripada jabatan dan pekerjaan dalam keadaan apa pun termasuk dalam keadaan yang mendesak²⁰(Asmuni Mth 2004). Malah di dalam membawa sesuatu kes di mahkamah syariah, seseorang peguam syarie bukan sahaja berhujah menggunakan peruntukan undang-undang malah berhujah dengan Al-Quran dan hadith. Oleh sebab itu, tidak dapat dibayangkan orang yang tidak percaya pada Al-Quran dan sunnah, tetapi ingin berhujah dengannya²¹ (Mohamad Azlin 2018). Selain itu, orang Islam dilihat mempunyai pemahaman yang lebih mengenai hukum syarak yang telah ditetapkan. Ini kerana hukum syarak hakikatnya lebih dekat dengan golongan Muslim berbanding sebaliknya.

Seterusnya, dapat dilihat bahawa majoriti negeri mensyaratkan calon peguam syarie yang ada hendaklah seorang warganegara (kecuali Melaka), tidak bankrup, tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Syariah dan juga berkelakuan baik. Dalam memastikan bahawa seseorang calon itu berkelakuan baik, jawatankuasa peguam syarie yang terbabit dapat mengetahui melalui bantahan yang dibuat oleh orang awam, jika ada²² (Mohamad Azrul 2018). Ini kerana, apabila permohonan dibuat, orang awam diberi peluang untuk membuat bantahan, terutamanya di sesetengah negeri yang

mensyaratkan penampalan dibuat seperti di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pahang.

Malah Kaedah-kaedah Peguam Syarie di sesetengah negeri seperti Perlis, Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan juga mensyaratkan bahawa seseorang calon peguam syarie hendaklah mempunyai pengetahuan tentang hukum syarak. Bagi negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah, Selangor dan Wilayah Persekutuan syarat seperti ini telah ada diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Seseorang calon peguam syarie yang memenuhi syarat ini dapat rkelakuan baik ataupun tidak.

Seterusnya, terdapat negeri yang meletakkan syarat bahawa seseorang itu hendaklah telah diterima masuk sebagai peguam syarie di negeri lain. Antaranya ialah Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Namun begitu, syarat ini tidak mengikat negeri-negeri secara

Di sesetengah negeri juga diperuntukkan had umur bagi syarat kelayakan permohonan sebagai peguam syarie iaitu seseorang calon perlu berumur 21 tahun dan ke atas. Antara negeri yang mensyaratkan sedemikian ialah Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan juga Kelantan. Ini adalah bersesuaian dengan tempoh pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti tempatan.

Di samping itu, syarat kelayakan dari sudut akademik juga turut menjadi perhatian di mana terdapat perbezaan yang agak ketara antara negeri-negeri. Umumnya, kebanyakan negeri meletakkan syarat utama iaitu seorang calon hendaklah mempunyai Ijazah Sarjana Muda Syariah²⁶ (Musa Awang 2017). Ini bermakna pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa adalah tidak layak memohon di Selangor sebagai peguam syarie walaupun

dikenalpasti melalui temuduga yang dijalankan²³ (Mohamad Azrul 2018). Ini kerana ketika temuduga, antara soalan yang akan ditanya adalah berkaitan hukum syarak, usul fiqh dan sebagainya. Sesetengah calon juga diminta untuk membaca dan menterjemah kitab arab yang ada. Ini dapat membantu panel yang ada untuk menilai setakat mana pengetahuan hukum syarak seseorang calon. Seseorang calon juga dapat dipastikan telah memenuhi syarat ini melalui surat yang dihantar oleh calon sendiri ketika permohonan dibuat²⁴ (Mohamad Azlin 2018). Surat tersebut antara lainnya akan mengesahkan sama ada calon tersebut be

keseluruhannya, sebaliknya ia sekadar untuk mempengaruhi panel yang ada untuk menerima masuk calon terbabit. Rujukan dibuat kepada Kaedah Peguam Syarie 1989 (Negeri Melaka). Selain itu, di Melaka, seseorang yang pernah melakukan penghinaan mahkamah ataupun memberi keterangan palsu adalah tidak layak menjadi peguam syarie²⁵ (Mohamad Azrul 2018).

pelajar jurusan ini ada mempelajari undang-undang, namun mungkin layak memohon di Perak. Ini kerana negeri Perak meletakkan syarat ‘Ijazah Sarjana Muda Syariah atau yang setaraf dengannya.’

Malah, di sesetengah negeri langsung tidak menyebut berkaitan syarat sedemikian. Antaranya ialah Kaedah-kaedah Peguam Syarie Kelantan 2000 yang mana menetapkan bahawa seseorang itu dikira sebagai berkelayakan jika memenuhi seksyen 18(2) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1982. Seksyen tersebut pula hanya menyatakan bahawa seseorang itu dikira sebagai layak memohon jika dia seorang pemegang ijazah dalam jurusan perundangan Islam dari mana-mana pusat pengajian yang diiktiraf. Pulau Pinang pula mensyaratkan bahawa seseorang yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Undang-undang adalah layak dilantik sebagai

pegawai syarie. Perkataan ‘dan’ yang digunakan membawa maksud bahawa seseorang yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah belum layak untuk diterima sebagai peguam syarie melainkan dia juga berkelulusan Sarjana Muda Undang-undang²⁷ (Mohamad Azlin 2018). Namun terdapat alternatif lain di mana seseorang itu masih boleh diterima sebagai peguam syarie, iaitu mengikut seksyen 80(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004 di mana seseorang itu boleh diterima masuk sebagai peguam syarie di negeri ini jika dia telah diterima masuk sebagai peguam syarie di negeri-negeri di Malaysia.

Perbezaan antara negeri-negeri ini juga agak ketara jika dilihat melalui syarat keperluan diploma kehakiman dan juga syarat latihan dalam kamar. Antara negeri yang mensyaratkan latihan di dalam kamar ialah Johor, Kedah dan Negeri Sembilan. Di Selangor contohnya dikatakan mempunyai syarat kelayakan yang paling ketat di mana seseorang peguam syarie hendaklah mempunyai diploma kehakiman dan menjalani latihan di dalam kamar. Ini tidak bermaksud bahawa kualiti peguam syarie di Selangor adalah lebih baik berbanding negeri lain, namun syarat-syarat ini diletakkan bagi menghadkan kemasukan peguam syarie dan juga memastikan bahawa calon-calon yang memohon adalah sememangnya ingin beramal sebagai peguam syarie, bukan sekadar mendapatkan sijil peguam sahaja²⁸ (Musa Awang 2017). Syarat diploma lanjutan ini juga dikatakan lebih menekankan teori dan amalan merangkumi bidang fiqh dan prosiding di mahkamah syariah, meningkatkan penguasaan syariah dan mempertingkatkan tahap profesional peguam syarie terutamanya bagi lulusan sivil yang bukan lulusan syariah²⁹ (Mohamad Azrul 2018) dan bagi mereka yang tidak pernah belajar berkaitan undang-undang³⁰ (Sulaiman Abdullah 1996).

SYARAT KELAYAKAN PEGUAM SYARIE: PERMASALAHAN DAN DAPATAN KAJIAN

Institusi guaman syarie bukanlah perkara yang asing lagi dalam perundangan Islam. Malah di Malaysia, undang-undang berkaitan perlantikan peguam syarie adalah di bawah kuasa perundangan negeri. Oleh sebab itu, syarat kelayakan adalah berbeza bagi setiap negeri. Kesannya, berlaku ketidakseragaman undang-undang yang mentadbir hal-hal berkaitan peguam syarie baik dari aspek kemasukan, syarat kelayakan, etika dan sebagainya. Sebagai contoh, syarat kelayakan yang berbeza pada setiap negeri ini hakikatnya menyusahkan dan menyukarkan individu yang ingin memohon untuk ditauliah sebagai peguam syarie.

Umpamanya negeri-negeri seperti Johor, Kedah, Negeri Sembilan dan Terengganu yang memasukkan syarat mempunyai diploma lepasan Ijazah sebagai salah satu syarat kelayakan sebelum diterima masuk sebagai peguam syarie di negeri tersebut. Diploma lanjutan Ijazah ini dikatakan lebih menekankan teori dan amalan merangkumi bidang fiqh dan prosiding di mahkamah syariah, meningkatkan penguasaan syariah dan mempertingkatkan tahap profesionalisma peguam syarie. Namun begitu, timbul isu sejauh mana syarat kelayakan yang ditetapkan tersebut mampu memastikan seseorang peguam syarie mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam hukum syarak dan perjalanan undang-undang yang berkuatkuasa sepihmana yang ditetapkan di dalam Islam. Malah, bagi negeri-negeri yang tidak menetapkan syarat sedemikian, timbul pula isu bagaimana negeri-negeri tersebut memastikan peguam syarie yang dilantik sememangnya seorang yang pakar dalam hukum syarak dan perundangan.

Selain itu, perbezaan syarat kelayakan yang ada mungkin menyukarkan

dan mengelirukan calon-calon yang membuat permohonan di sesebuah negeri. Ini kerana berlaku perbezaan dari segi syarat kelayakan dan syarat kemasukan bagi negeri-negeri. Ada negeri yang mempunyai syarat kelayakan yang ketat dan sukar untuk seseorang calon lulus dengan ujian dan temuduga yang ada dan ada negeri yang meletakkan syarat kelayakan yang agak longgar. Namun, perbezaan yang ada ini adalah bersesuaian dengan keperluan setiap negeri. Contohnya, mungkin permohonan peguam syarie di negeri Selangor adalah terlalu ramai sehingga jawatankuasa terpaksa menghadkan kemasukan peguam syarie iaitu dengan menerima masuk individu yang betul-betul berkelayakan. Oleh sebab itu, syarat-syarat kelayakan dan kemasukan peguam syarie adalah lebih ketat.

Seterusnya, walaupun penyeragaman syarat kelayakan peguam syarie bagi setiap negeri dilihat sebagai satu perkara yang perlu, namun terdapat sesetengah pihak tidak bersetuju dengan perkara tersebut. Ini kerana cadangan tersebut dilihat akan mengurangkan bidangkuasa negeri terhadap perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal Islam. Ini seterusnya akan mengugat kuasa Negeri-negeri dalam menggubal undang-undang hal berkaitan Islam.

Akhirnya, penulis mendapati bahawa ketidak seragaman syarat kelayakan ini wujud kerana tidak ada satu perundangan yang mengawal selia urus tadbir berkaitan dengan syarat kelayakan peguam syarie. Ini akhirnya menyebabkan syarat kelayakan peguam syarie di setiap negeri berbeza-beza dan mengakibatkan kekeliruan serta kekaburan berkaitan pengaplikasiannya.

KESIMPULAN

Cadangan yang pertama dan paling penting ialah dari aspek penyeragaman undang-undang. Seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini, undang-undang

yang mentadbir hal berkaitan peguam syarie adalah terletak di bawah badan perundangan negeri. Oleh sebab itu, dilihat bahawa undang-undang berkaitan syarat kelayakan adalah berbeza antara negeri. Di satu sudut, syarat kelayakan di antara sesebuah negeri adalah berbeza, bergantung pada keperluan negeri tersebut.

Namun penulis berpendapat bahawa perbezaan yang ada ini sebenarnya telah merumitkan dan mengelirukan masyarakat terutamanya calon-calon yang ingin beramal sebagai peguam syarie. Malah perbezaan statut sama ada di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri atau Kaedah-kaedah Peguam Syarie turut membuatkan peguam syarie tidak dapat menjalankan tugas dengan berlandaskan konsep sebenar amalan guaman menurut undang-undang. Oleh sebab itu, penulis amat menyokong usaha dan cadangan pihak-pihak berkaitan untuk menggubal satu akta induk yang akan mentadbir perkara-perkara berkaitan peguam syarie.

Ini dapat dilihat dengan adanya cadangan untuk menggubal Akta Profesional Guaman Syarie. Menerusi akta induk ini, sebuah Majlis Peguam Syarie akan ditubuhkan. Badan ini akan bertanggungjawab untuk mengawal dan menyelia kelayakan dan kemasukan peguam syarie melalui penggubalan undang-undang kecil seperti peraturan atau kaedah yang lebih khusus dan jelas. Melalui akta ini juga, setiap calon akan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, sama ada seseorang itu ingin memohon sijil peguam syarie di Selangor, Terengganu, Kedah, Kelantan atau mana-mana negeri yang lain.

Akta ini akan memperuntukkan bahagian khusus bagi syarat perlantikan peguam syarie. Sebagai contoh, meletakkan syarat Islam sebagai syarat utama bagi perlantikan peguam syarie. Dengan wujudnya syarat tersebut di dalam akta

induk, mana-mana pihak tidak boleh mempertikaikan isu sama ada seseorang bukan Islam boleh memohon sebagai peguam syarie atau pun tidak. Ini kerana akta induk yang digubal ini akan terpakai kepada setiap negeri secara menyeluruh. Oleh sebab itu, tidak berlaku isu di mana sesetengah negeri membenarkan permohonan bukan Islam dan sesetengah negeri tidak membenarkan permohonan bukan Islam. Ini sekaligus dapat mengurangkan kekeliruan pihak-pihak dengan *lacuna* yang terdapat di dalam Kaedah-kaedah Peguam Syarie Negeri-negeri. Malah, dengan wujudnya sebuah Akta yang khusus berkaitan perkara ini adalah diharapkan oleh banyak pihak, agar ia menjadi penyumbang kepada peningkatan taraf dan wibawa profesi kepeguman di mahkamah Syariah.

NOTA

¹ Abdul Monir Yaacob. Abdul Monir Yaacob. "Etika Peguam Menurut Perspektif Islam", dalam *Etika Hakim Dan Peguam*. Sunt. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. 1996. Hlm. 118.¹

² Mahmud Saedon Awang Othman. *Al-Ahkam*. Jil. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1997. Hlm. 108.

³ Musa Awang. *Keperluan Akta Profesional Guaman Syarie*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Nasional Peguam Syarie Malaysia Kali Keempat, 10 November, Kuala Lumpur. 2017. Hlm. 20.

⁴ Siti Zalikhah Md. Nor. *Al-Syariah Kehakiman Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004 hlm 194

⁵ Mohamad Isa Abd Ralip. *Peguam Syarie: Pengamalan Di Malaysia*. <http://pahang.jksm.gov.my/images/peguam%20syarie/KepeguamanSyariediMalaysia.pdf> (diakses pada 7 Julai 2020).

⁶ Mahmud Saedon A. Othman. *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2003. Hlm. 113

⁷ Tuan Musa Bin Awang. Peguam Syarie di Malaysia: Realiti Semasa & Ke Arah Penggubalan Akta Profesional Guaman Syarie. https://iais.org.my/attach/2017/29AUG2017/Musa_Awang.pdf (diakses pada 12 Julai 2020)

⁸ Mahmud Saedon A. Othman. *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*. Kuala

Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2003. Hlm. 113.

⁹ Jasri Jamal. *Kaedah Perundangan Bidangkuasa & Tatacara Mahkamah Syariah*. Sunt. Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. Hlm 25.

¹⁰ Siti Zalikhah Md. Nor. *Al-Syariah Kehakiman Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004 hlm 194

¹¹ Mohamad Isa Abd Ralip. *Peguam Syarie: Pengamalan Di Malaysia*. <http://pahang.jksm.gov.my/images/peguam%20syarie/KepeguamanSyariediMalaysia.pdf> (diakses pada 7 Julai 2020)

¹² Abdul Monir Yaacob. 2015. *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia. Hlm. 32

¹³ Mohamad Isa Abdul Ralip. t.t. *Peguam Syarie: Pengamalan di Malaysia*. Hlm. 3.

¹⁴ Mohamad Isa Abdul Ralip. t.t. *Peguam Syarie: Pengamalan di Malaysia*. Hlm. 3.

¹⁵ Nur Zulfah Md Abdul Salam, Nurul Farhana Yahya, Muhammad Hafifi Bin Hassim & Sharifah Hana Abd Rahman (2020), Amalan Perwakilan Peguam Syarie di Malaysia dalam E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi (E-JPI) Vol 7. No. 2 September 2020. Hlm 65

¹⁶ Siti Zalikhah Md. Nor. *Al-Syariah Kehakiman Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004 hlm 194

¹⁷ Ibid. hlm 194

¹⁸ Ahmad Johari Mohd Ali. 2015. Peguam Syarie Mesti Beragama Islam. *Berita Harian*, 14 Ogos.

¹⁹ Musa Awang. *Keperluan Akta Profesional Guaman Syarie*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Nasional Peguam Syarie Malaysia Kali Keempat, 10 November, Kuala Lumpur. 2017. Hlm. 20.

²⁰ Asmuni Mth. Eksistensi Pengacara Dalam Perspektif Islam. *Al-Mawarid*. Jil. 12: 25-45, 2004. Hlm. 37.

²¹ Tuan Mohamad Azlin Bin Mohamad Razali, Peguam Syarie di Tetuan Mohamad Azlin & Suriati Associates..

²² Tuan Mohamad Azrul Azhan Bin Mohammad Jamil, Peguam Syarie di Tetuan Azrul Najah & Associates.

²³ Tuan Mohamad Azrul Azhan Bin Mohammad Jamil, Peguam Syarie di Tetuan Azrul Najah & Associates.azrul

²⁴ Tuan Mohamad Azlin Bin Mohamad Razali, Peguam Syarie di Tetuan Mohamad Azlin & Suriati Associates..

²⁵ Tuan Mohamad Azrul Azhan Bin Mohammad Jamil, Peguam Syarie di Tetuan Azrul Najah & Associates.

²⁶ Musa awang

²⁷ Tuan Mohamad Azlin Bin Mohamad Razali, Peguam Syarie di Tetuan Mohamad Azlin & Suriati Associates..

²⁸Musa Awang. *Keperluan Akta Profesional Guaman Syarie*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Nasional Peguam Syarie Malaysia Kali Keempat, 10 November, Kuala Lumpur. 2017. Hlm. 20.

²⁹Tuan Mohamad Azrul Azhan Bin Mohammad Jamil, Peguam Syarie di Tetuan Azrul Najah & Associates.

³⁰Sulaiman Abdullah. 1996. *Etika Hakim dan Peguam*. Sunt. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia

Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim. 2015. *Peguam Syarie Dan Litigasi Mahkamah Syariah*. Cet.1. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources.

Musa Awang. 2017. *Seni Guaman Syarie*. Sunt. Zulqarnain Lukman & Fakhrul Azman Abu Hassan. Cet. 2. Kuala Lumpur: Persatuan Peguam Syarie Malaysia.

O. K. Rahmat. 1994. *Keadilan Di Dalam Sistem Mahkamah Islam*. Kuala Lumpur: RDS Media.

Siti Zalikhah Md. Nor. 2004. *Al-Syariah Kehakiman Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Sulaiman Abdullah. 1996. *Etika Hakim dan Peguam*. Sunt. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Nurul Farhanah Yahya
Pelajar Sarjana Undang-undang
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor.
Email: farhanah19nurul@gmail.com

Zulfah Salam
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Bandar Seri Putra, Bangi, 43000 Kajang, Selangor
Email: nurzulfah@kuis.edu.my

Hammad Mohamad Dahalan
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Bandar Seri Putra, Bangi, 43000 Kajang, Selangor.
Emailhammad@kuis.edu.my

Mohamad Azhan Yahya
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor.
Email: azhan@ukm.edu.my

RUJUKAN

Abdul Karim Zaidan. 1989. *Nidzam al-Qada Fi al-Syariyyah al-Islamiyyah*. Jil. 2. Beirut: Muassasah Risalah.

Abdul Monir Yaacob. 1996. *Etika Hakim dan Peguam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Monir Yaacob. 2015. *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia.

Abdullah Abu Bakar. 1997. *Al-Ahkam*. Jil. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Ibrahim. 1996. *Al- Ahkam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baharuddeen Abu Bakar. 1996. *Undang-undang Keterangan Dan Prosedur Di Mahkamah*. Sunt. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mohamad Isa Abdul Ralip. t.t. *Peguam Syarie: Pengamalan di Malaysia*. 1-20.

Jasri Jamal. 2005. *Kaedah Perundangan Bidangkuasa & Tatacara Mahkamah Syariah*. Sunt.

Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham, Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mahmud Saedon A.Othman. 2003. *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud Saedon Awang Othman. 1997. *Al-Ahkam*. Jil. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.